



COPYRIGHT TO YOU (CR₂U)

GET CERTIFIED FOR BETTER PROTECTION

LATAR BELAKANG

Latar Belakang

- Pemberitahuan Sukarela Hak Cipta (CVN) telah diperkenalkan sejak tahun 2012 melalui pindaan Akta Hak Cipta 1987 pindaan 2012.
- Ia bertujuan untuk memberikan perlindungan kepada pemilik hak cipta melalui dokumentasi dan pensijilan.
- Segala maklumat berkenaan karya hak cipta yang diberitahu kepada Pengawal (MyIPO) akan disimpan dengan cermat di dalam Daftar Hak Cipta.
- Pemohon yang membuat pemberitahuan ini akan mendapat satu dokumen notifikasi dan sijil yang mana dokumen dan sijil ini boleh dijadikan bukti prima facie di mahkamah di Malaysia.

Latar Belakang

- Selain itu, pemberitahuan ini juga membantu pemilik hak cipta untuk menguatkuasakan hak cipta mereka apabila membuat aduan kepada Penguatkuasa KPDN di mana Penguatkuasa akan membuat verifikasi pemilik hak cipta melalui Daftar Hak Cipta (Sistem EyeRIS).
- Pada tahun 2022, bagi memudahkan proses pemberitahuan ini dibuat, Akta Hak Cipta 1987 sekali lagi dipinda dengan mengurangkan proses dan dokumentasi bagi mempercepatkan proses pemberitahuan ini boleh dibuat.
- Kini dengan inisiatif MyIPO, satu lagi kaedah pemprosesan diperkenalkan bagi mempercepatkan proses pemberitahuan dapat dibuat oleh pemohon.
- Proses ini dijenamakan *Copyright to You* (CR2U) dengan memperkenalkan elemen kerjasama pemohon dan MyIPO agar proses dipercepatkan, mudah dan tepat.

COPYRIGHT TO YOU (CR₂U)

Salah satu proses untuk membuat Pemberitahuan Sukarela Hak Cipta (CVN) dengan memperkenalkan elemen kerjasama pemohon dan pegawai MyIPO bagi mempercepatkan proses pensijilan dan notifikasi CVN kepada pemohon.

Copyright To You



10 MINIT

PERMOHONAN BERMULA

PEMOHON

- Pemohon * adalah pemilik karya, penerima pindah milik atau pemegang lesen;
- Borang CR-1 ditandatangani oleh Pemohon; dan
- Bayaran fi RM200 dibuat.



PEGAWAI MyIPO

- Karya disemak dan disahkan**;
- Nombor Permohonan dijana dan dimasukkan ke dalam Borang CR-1 tersebut;
- Salinan resit bayaran, Borang CR-1 dengan Nombor Permohonan dan Karya yang telah disemak (Ikatan Dokumen) diberikan kepada Pemohon.



20 MINIT

PROSES PEMBERITAHUAN

PENGISIAN DATA

- Pemohon:
 - Pemohon mengemukakan kesemua Ikatan Dokumen kepada Pegawai Hak Cipta (PHC); dan
 - Pemohon melengkapkan maklumat dalam sistem dibantu oleh PHC.
- Pegawai Hak Cipta (PHC):
 - PHC memuat naik Ikatan Dokumen ke dalam Daftar Hak Cipta.



PROSES NOTIS & PENSIJILAN

- PHC menyemak maklumat yang dilengkapkan oleh Pemohon dan Ikatan Dokumen yang dimuat naik;
- PHC menerima persetujuan Pemohon bahawa tiada bantahan atau pembetulan dibuat; dan
- Notis dan Sijil dicetak, dimeterai dan diimbas ke dalam sistem.



TAMAT

PENYERAHAN NOTIS & SIJIL

- Pegawai Hak Cipta menyerahkan Notis dan Sijil kepada Pemohon.



*Nota *Pemohon yang tidak layak menggunakan CR2U akan membuat permohonan seperti biasa.*


***Permohonan yang karyanya rosak atau tidak dapat dimuat naik akan melalui proses biasa.*



TERMA DAN RUJUKAN

Syarat-syarat permohonan di bawah CR2U

Terma dan Rujukan



Pemohon hendaklah seorang individu atau wakil pemilik hak cipta atau penerima milikan hak cipta atau pemegang lesen hak cipta;

Terhad kepada SATU karya SATU permohonan dan nama pencipta tidak melebihi dari lima (5) orang;

Karya hendaklah TIDAK ROSAK, boleh dibuka dan disemak oleh MyIPO ketika permohonan dan saiz tidak melebihi 100mb; dan

Penerimaan permohonan sehingga jam 12.30 tengahari.

KEBAIKAN CR₂U & CVN

Kebaikan CR2U

Dengan CR2U/CVN

- *Sijil dan notifikasi diterima dalam tempoh yang singkat membolehkan pemohon terus menguatkuasa hak ciptanya di bawah undang-undang;*
- *Fi yang sama iaitu RM200 bagi setiap pemberitahuan;*
- *Cepat dan hanya perlu hadir ke kaunter MyIPO;*
- *Maklumat terus disalurkan kepada penguatkuasa melalui EyeRIS untuk dikuat kuasa hak pemilik; dan*
- *Sijil dan notifikasi boleh digunakan berulang kali kerana ia adalah salinan Asal dan berdasarkan Daftar Hak Cipta.*
- *Maklumat dalam Daftar Hak Cipta tidak boleh dipindah melainkan dengan arahan Mahkamah melainkan kesilapan pengkeranian atau ejaan (minor).*

Tanpa CR2U

- *Mengguna khidmat guaman bagi membuat akuan sumpah sebagai bukti dan perlu diangkat sumpah;*
- *Fi lebih daripada RM200 kerana upah peguam bagi penyediaan akuan sumpah dan bayaran fi kepada pesuruh jaya sumpah;*
- *Perlu ke pejabat peguam dan pesuruhjaya sumpah;*
- *Maklumat perlu disemak oleh peguam kemudian dihantar kepada penguatkuasa untuk disemak sebelum boleh dikuat kuasa hak pemilik.*
- *Akuan sumpah ini perlu dibuat yang TERKINI bagi setiap kes pelanggaran hak cipta dan tidak/kurang sesuai digunakan berulang kali terutama jika tarikh pelanggaran dan tarikh dokumen akuan sumpah dibuat terlalu jauh tempoh masanya.*